

28 SEP 1998

SALAH TABII SEORANG PEMIMPIN TIDAK BOLEH DIMAAFKAN

KUALA KLAWANG, 28 Sept (Bernama) -- Dakwaan bahawa perlucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad takut Anwar akan melawannya tidak timbul, kata Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsudin.

Katanya, Perdana Menteri tidak takut kepada cabaran tetapi kepada hukum tuhan berkaitan salah laku seks di luar tabii tidak boleh dimaafkan.

"Dalam Islam perkara ini (liwat) sangat dilarang, kalau orang biasa memang ada tapi sampai taraf pemimpin itu tidak patut...tidak boleh ada langsung," katanya kepada pemberita selepas majlis taklimat dan penerangan isu semasa anjuran Umno Bahagian Jelebu, di sini, hari ini.

Beliau yang telah 23 tahun bersama Perdana Menteri berkata, jika tidak 100 peratus Dr Mahathir tidak akan mengambil tindakan walaupun 99.9 peratus.

Mengenai dakwaan beliau sebagai salah seorang daripada konspirator, Abdul Aziz berkata ini kerana mereka berhajat hendak menjatuhkan Dr Mahathir.

"Jadi buang semua orang keliling Dr Mahathir supaya dia orang senang...selagi ada maka wujud percanggahan pemikiran. Konspirator yang paling besar Anwar sendirilah," katanya.

Ketika berucap pada majlis itu, beliau meminta pemimpin dan anggota Umno supaya meneruskan perjuangan memertabatkan bangsa, agama dan negara.

Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri pula meminta setiap anggota Umno menjelaskan pendirian masing-masing kerana beliau tidak mahu mereka yang berdolak-dalik.

-- BERNAMA

RP oba